

By-Elections After the 12th General Election: From the Glasses of an Editorial Cartoonist

Fazlina Mohd Radzi*

College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Corresponding author
Email: fazlinaradzi@uitm.edu.my

Liza Marziana Mohammad Noh*

College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Email: lizamarziana@uitm.edu.my

Haslinda Abd Razak*

College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Email: haslinda802@uitm.edu.my

Suraya Md Nasir*

Faculty of Arts, Sustainability and Creative Industry, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
Email: suraya.mn@fskik.upsi.edu.my

Mohd Faizol Haini*

College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Malaysia
Email: mohdfaizol@uitm.edu.my

Received date: **15.11.2023**; Accepted date: **01.04.2023**; Available online: **23.06.2023**

** These authors contributed equally to this study*

ABSTRACT

Editorial cartoons often become recorders of events, especially during election season. Therefore, the main focus of this study is on the publication of editorial cartoons published through mainstream local newspapers with the theme of by-elections after the 12th Malaysian General Election. In addition to that, the researcher will also briefly trace the beginning and development of cartoons in Malaysia from the beginning of the period before independence, then the heyday of Malay cartoons in the 80s and 90s and then specifically to editorial cartoons themed by by-elections. The research and writing approach is based on the appreciation of the form and meaning of the work and the context of its production. Art history methodology based on analysis according to context is used as the basis in this study. Covering aspects of description, analysis, interpretation and consideration are used as a guide in the research of the work. The conclusion of the results of this study found that these mainstream newspaper cartoons are critical of the presentation of political-themed jokes in Malaysia.

Keywords: *Editorial Cartoons, Elections, Politics*

Pilihanraya Kecil Pasca Pilihanraya Umum ke 12: Dari Kacamata Kartunis Editorial

Fazlina Mohd Radzi*

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka
Penulis Koresponden
Email: fazlinaradzi@uitm.edu.my*

Liza Marziana Mohammad Noh*

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Malaysia
Email: lizamarziana@uitm.edu.my*

Haslinda Abd Razak*

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Malaysia
Email: haslinda802@uitm.edu.my*

Suraya Md Nasir*

*Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
Email: suraya.mn@fskik.upsi.edu.my*

Mohd Faizol Haini*

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Malaysia
Email: mohdfaizol@uitm.edu.my*

Tarikh Masuk: **15.11.2023**; Tarikh Terima: **01.04.2023**; Tarikh DiTerbit: **23.06.2023**

** Semua penulis menyumbang sama rata terhadap kajian ini*

ABSTRAK

Kartun editorial sering menjadi perakam peristiwa terutama sekali ketika musim pilihanraya. Maka dengan itu, fokus utama kajian ini adalah mengenai penerbitan kartun editorial yang diterbitkan menerusi akhbar-akhbar tempatan arus perdana yang bertemakan pilihanraya kecil pasca Pilihanraya Umum Malaysia ke-12. Disamping itu, pengkaji turut akan menyusuri permulaan dan perkembangan kartun di Malaysia secara ringkas dari awal zaman sebelum kemerdekaan, kemudian zaman kegemilangan kartun melayu pada tahun 80an dan 90an dan seterusnya khusus kepada kartun editorial bertemakan pilihanraya kecil. Pendekatan kajian dan penulisan adalah berdasarkan apresiasi bentuk dan makna karya dan konteks penghasilannya. Metodologi sejarah seni berasaskan analisis mengikut konteks dijadikan asas di dalam pengkajian ini. Merangkumi aspek deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan digunakan sebagai panduan dalam penelitian karya. Kesimpulan hasil dari kajian ini mendapati karya-karya kartun akhbar arus perdana ini begitu kritikal dengan penyampaian jenaka bertemakan politik di Malaysia.

Kata Kunci: *Kartun Editorial, Pilihanraya, Politik*

PENGENALAN

Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, karya-karya kartun memainkan peranan penting kepada masyarakat Melayu dan Tanah Malaya secara amnya. Penerbitan kartun lerang dan kartun editorial memberikan kesan yang mendalam kepada para pembaca yang hidup di bawah pentadbiran British dan penjajahan Jepun sebelum kemerdekaan. Selain menjadi santapan mata kepada para pembaca,

karya kartun melayu turut menekankan isu kesatuan untuk memotivasikan orang-orang Melayu yang tertekan di bawah pemerintahan bangsa asing selama 400 tahun. Tambahan pula, ianya turut menampilkan tentang isu rasa keyakinan, watak- watak, semangat dan nilai moral yang baik pada orang Melayu pada waktu itu.

Menurut penulisan Mulyadi (2004), sejarah penerbitan kartun di Malaysia bermula lewat pada tahun 1920 an menerusi terbitan akhbar seperti Warta Jenaka, Utusan Zaman dan Majlis. Kartun-kartun yang dihasilkan adalah karya dari kartunis tetap dan sumbangan para pembaca akhbar terbabit. Namun demikian, Mulyadi (2004) menekankan bahawa kajian yang menumpukan khas tentang kartun editorial selepas berakhirnya pilihanraya masih lagi belum terhasil. Kajian ke atas subjek ini adalah penting kerana karikatur untuk setiap individu tampak berbeza, bergantung pada isi kandungan (jiwa) yang cuba disampaikan oleh kartunis berkenaan. Pengkaji memilih Pilihanraya Umum ke 12 yang berlangsung pada tahun 2008 sebagai skop kajian kerana pilihanraya berkenaan merupakan antara yang terpenting dan bersejarah, dimana parti pembangkang meraih undi terbanyak dan menjadi kerajaan negeri di empat buah negeri. Pada tahun berkenaan juga Malaysia menerima pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri ke enam, selepas Tun Abdullah Ahmad Badawi meletak jawatan. Memilih Pilihanraya Umum ke 12 yang berlangsung pada tahun 2008 sebagai skop kajian kerana peristiwa yang berlaku kebanyakannya penting dan bersejarah dimana melalui pilihanraya inilah pihak pembangkang memenangi banyak kerusi dan merampas beberapa buah negeri dan Malaysia menerima pelantikan Datuk Sri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri yang ke 5. Hasilnya, kartunis aliran semasa menghasilkan karya kartun-kartun yang mengkritik situasi dunia politik tempatan.

KAJIAN LITERATUR

Definisi Kartun

Pada abad ke 15, terma ‘cartoon’ digunakan untuk menggambarkan lukisan bersaiz besar yang ditekan dengan menggunakan garisan berasaskan logam atau menyapunya dengan serbuk berwarna hitam. Kartunis berbangsa Inggeris David Low, mendefinisikan kartun sebagai satu representasi atau lukisan yang bersimbolik yang boleh menjadi humor, lucu atau bersatira, dipersembahkan dengan menggunakan perkataan atau tanpa perkataan, sama ada ianya di dalam satu panel atau lebih (Mulyadi, 2004). Low juga menambah:

“A cartoon is a drawing, representational or symbolic, that makes a satirical, witty, or humourous point. It may or not have a caption and may comprise more than one panel. Cartoon usually appear in periodical publications. Most frequently, their target are in the field of political or public affairs, but they may be social customs, fashions, or sports events or personalities” (Low melalui Mulyadi, 2004, p. 4)

Pada awal abad ke-20, maksud kartun mula merujuk kepada program televisyen, komik/kartun lerang, dan filem animasi. Kartun, yang mempunyai bentuk lukisan, simbol atau representasi yang merujuk kepada situasi jenaka, jenaka, sindiran atau berbeza, dan mungkin mempunyai jenis tafsiran yang berbeza. (Dweich et al., 2022). Dalam media era moden masakini, terutamanya menerusi akhbar dan majalah kartun menjadi kandungan wajib untuk menyebarkan maklumat secara sindiran. (Subedi, 2018).

Di Malaysia, kartun ketika zaman sebelum kemerdekaan mengkritik bersikap satira terhadap orang Melayu dalam memberikan kesedaran kepada mereka berkenaan tentang hak-hak dan masa depan orang Melayu. (Mulyadi, 2004).

Kartun Editorial

Begitu ramai berpendapat menyatakan kartun editorial lebih memfokuskan tentang politik, maka dengan itulah kajian ini akan memberi tumpuan kartun editorial yang berbicara tentang isu politik. Menurut Goffman, kartun editorial ada sesuatu yang 'hyper-carnivalized', dibuat secara berlebihan dan di perbesar, kerana ianya mengandungi pengisian nilai-nilai bersifat 'karnival' yang menghiasi dunia politik itu sendiri. Kartun editorial secara umumnya ditakrifkan sebagai kartun yang mengandungi subjek dan ulasan tentang isu politik atau sosial (Landbeck, 2002)

Kartun editorial bertemakan politik kebiasaannya memiliki dua elemen penting, karikatur dan kiasan. Kiasan bergantung kepada situasi, jadi kartunis akan meletakkan sebarang simbol atau ayat yang berkaitan dengan bertujuan memomok situasi politik yang berlaku. Menerusi karikatur dan kiasan ini lah di mana kartun politik mempengaruhi pendapat masyarakat dan berkemungkinan menimbulkan kontroversi. Kartun editorial semakin banyak dicipta sepenuhnya secara digital dan bukannya dalam bahan grafik tradisional dakwat, pensel, kertas dan pigmen. Walaupun istilah "kartun editorial" dan "kartun politik" kedua-duanya digunakan untuk menggambarkan kartun yang bersifat politik, istilah "kartun editorial" boleh dianggap sebagai istilah yang lebih merangkumi, yang membolehkan kartun yang diterbitkan mengenai isu sosial dan budaya dipertimbangkan bersama dengan kartun politik (Landbeck, 2002).

Sejarah Kartun Editorial Akhbar Arus Perdana Malaysia

Perkembangan seni Kartun Malaysia dibahagikan kepada empat era penting, iaitu Era Perintis (1930-an hingga 1957), Era Baru (1957 hingga 1970), Era Kegemilangan (1980-an), dan Era Pluralis (Sejak 1990-an) (Mulyadi, 2012). Sejarah awal penerbitan kartun di Tanah Melayu menerusi penulisan Mulyadi dikesan seawal 1930an sewaktu era sebelum kemerdekaan dengan penerbitan kartun-kartun editorial diakhbar-akhbar seperti Warta Jenaka, Majlis dan Utusan Zaman (Shaliza et al., 2016). Di Malaysia, tidak seperti kartun lerang yang muncul secara berterusan sejak dari zaman sebelum merdeka, kartun editorial hanya menjadi popular pada tahun 1980 an menerusi karya kartunis seperti Lat, Nan, Zoy, Zunar dan Rossem walaupun ianya telah lama wujud menerusi Berita Harian dari tahun 1957-1958 dan Utusan Zaman pada tahun 1963.

Kartunis editorial di Malaysia kebiasaannya memberi fokus kepada isu sosioekonomi yang kurang kontroversi berbanding isu yang berkaitan dengan politik. Kartunis seperti Zunar, Rossem, Brain, dan Asrie tampil dengan kartun yang bersifat agresif menyerang dan mengkritik pemimpin kerajaan dan polisi parti pembangkang menerusi majalah dan surat khabar, Detik dan Harakah. Sebagai tindak balas, kartunis Juragan, Miki dan Zoy yang bertugas untuk akhbar aliran semasa - The News Strait Times, Utusan Malaysia dan Berita Minggu- menghasilkan kartun yang mengkritik polisi dan pemimpin dari parti pembangkang. Fenomena ini merupakan bukti menerusi kempen Pilihanraya Umum pada tahun 1999 dan jelas menggambarkan kartun editorial berperanan sebagai senjata politik (Mulyadi menerusi Syed Ahmad, 2007).

Peranti Retorik

Menerusi kertas kajian yang dihasilkan oleh Mwetulundila & Kangira (2015), mereka telah menghasilkan sebuah kerangka (framework) atau dikenali sebagai Peranti Retorik dalam mengenalpasti apakah elemen visual dan bahasa yang digunapakai oleh kartunis editorial untuk menghasilkan kartun-kartun mereka dan juga membantu pengkaji untuk cuba memahami secara lebih mendalam. Mwetulundila dan Kangira (2015) telah membangunkan peranti retorik sebagai alat persuasif untuk menyokong makna, ekspresi, representasi dan komunikasi kartun kepada pembaca.

Tajuk dan Kapsyen

Tajuk dan kapsyen digunakan untuk mengukuhkan ciri bukan lisan bagi sesebuah karya kartun itu (Fetsko, 2001) Seperti kata pepatah (pribahasa), slogan, lirik lagu dan frasa terkenal boleh digunakan sebagai kapsyen. Penggunaan Tajuk dan Kapsyen adalah cara termudah untuk membantu pembaca bagi memahami maksud, tema dan cerita yang cuba disampaikan. Tajuk dan kapsyen tidak memberikan banyak butiran atau penjelasan tentang maksud kartun tersebut, sebaliknya ia memberi petunjuk tentang sesuatu isu. Setelah pembaca mendapat petunjuk barulah mereka dapat memahami maksud representasi yang divisualkan.

Pelabelan

Kartunis sering melabelkan atau menamakan sesuatu dalam kartun mereka dengan perkataan supaya memahami dengan apa yang mereka cuba sampaikan. Label digunakan untuk menjadikan konteks kartun lebih jelas, memudahkan pembaca mentafsir sebab mengapa sesebuah objek (atau orang itu) dilabelkan sedemikian (Samson, 2022). Kartun boleh menggunakan pelabelan melalui kapsyen, dialog, atau melalui frasa tertentu yang digunakan oleh ahli politik.

Simbol

Penggunaan perlambangan simbol seperti haiwan, objek dan sebagainya, berbanding perkataan mampu memberi penjelasan. Terkadang, penggunaan simbol mampu memberi seribu makna, dan ianya mampu difahami berikutan konteks yang digunakan. Simbolisme digunakan dalam kartun politik atau editorial untuk menandakan sesuatu yang bukan sekadar simbol atau objek itu sendiri (Samson, 2022). Kartunis akan menganggap bahawa penonton yang disasarkan mampu memahami mesej yang disampaikan secara tersirat. (ibid)

Metafora

Metafora menurut Tromp et al. (2013) adalah sebagai "perbandingan antara dua perkara yang berbeza." Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi 3 juga menjelaskan maksud metafora itu adalah pemakaian kata - kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa ataupun makna sebenar sebagai perbandingan, kiasan atau perlambangan. Penggunaan metafora yang dipilih itu mestilah memiliki keserasiaan bagi suatu cerita yang ingin disampaikan sebagai satu simbol perlambangan disebalik kisah atau makna yang ingin disampaikan oleh seseorang pengkarya (Davidson, 1978).

Ironi

Kebanyakan kajian tentang ironi selalunya berkaitan dengan paradigma kajian sastera. Ironi mempunyai tradisi pengajian dan tafsiran yang sangat kuno. Chock (2001) menyetujui pendapat Wilde (1981) mentakrifkan ironi sebagai: "melihat perbezaan". Chock juga menegaskan bahawa perbezaan visi pembaca bukanlah antara yang sebenar dan yang ideal; ia adalah "antara versi bersaing, separa, dan berkepentingan di dunia yang tertanam dalam wacana yang berbeza". Definisi takrifan ini dipilih kerana ianya lebih menyeluruh daripada takrifan yang lain dalam tidak menghadkan ironi kepada wacana lisan atau perkataan yang dilafazkan sahaja; sebaliknya, ia boleh digunakan untuk pelbagai konteks, dan ianya bersesuaian dengan konteks menganalisis kartun editorial.

KAJIAN METODOLOGI

Kaedah kajian yang digunakan adalah berdasarkan Teori Seni Edmund Feldman (1970). Menurut Feldman, tujuan kritikan seni adalah memberi pencerahan. Pengkritik mempunyai kewajipan untuk

memberi penerangan. Selain itu, beliau berkata bahawa membahas perkara berkaitan seni adalah kritikal, terutama sekali untuk proses dan penguasaan kritikan seni. Sistem kritikan menggunakan penaakulan induktif untuk mencapai pertimbangan menerusi karya seni yang dikaji dan ianya berdasarkan empat peringkat.

Jadual 1 Kaedah Kritikan Seni – Proses Kritikan Seni oleh Edmund Feldman

No.	Teori Apresiasi oleh Edmund Feldman	Proses
1	Deskripsi Menamakan dan menggambarkan	Menyenaraikan dan menyatakan apa yang dilihat secara formalistik. Mengenalpasti seperti imej dan bentuk pada karya.
2	Analisis Menganalisa fakta	Menganalisis bukti visual secara terperinci dengan mengambil kira prinsip-prinsip seni yang digunakan.
3	Interpretasi Menafsir fakta	Mengkaji dan menafsir kualiti ekspresif, makna, dan idea yang cuba disampaikan oleh pengkarya
4	Pertimbangan Menilai karya	Penilaian terakhir pengkaji dalam melihat kesan kebaikan dan isu yang ada terdapat pada karya. Ianya tidak boleh bersifat pribadi, namun pengkaji menyatakan pendapat dan cadangan yang sewajarnya.


Menyedari seni kartun, terutama sekali kartun editorial banyak menggunakan perlambangan, analogi, metafora dan sebagainya dalam menghasilkan lapisan makna yang pelbagai, pengkaji menggunakan teori ini bagi mendapatkan pandangan dari sudut kaca mata kartunis editorial Malaysia dalam melakar dan mencorakkan suasana pilihanraya kecil pasca pilihanraya ke 12.

ANALISA

Selepas berlalunya Pilhan Raya Umum (PRU) 2008, kisah-kisah politik telah menjadi topic yang paling digemari oleh oleh kartunis editorial apabila parti pembangkang yang juga dikenali sebagai Barisan Alternatif atau Pakatan Rakyat yang di anggotai oleh Parti PAS, DAP dan Keadilan untuk menandingi parti Barisan Nasional (BN) yang telah lama memegang tampuk pemerintahan negara sejak pilihan raya yang pertama. Tahun 2009 juga dikenali sebagai tahun yang paling banyak sekali pilihan raya kecil diadakan. Ini terjadi akibat kematian ahli parlimen dan kawasan negeri, atau wakil rakyat yang meletak jawatan yang bertujuan untuk menyerahkan kuasa, Impak paling terbesar yang berlaku pada tahun 2009 adalah krisis politik di Perak apabila kerajaan Pakatan Rakyat yang ditubuhkan selepas memenangi banyak kerusi pada pilihanraya umum yang lalu tumbang berikutan empat orang wakil rakyat mereka meninggalkan parti dan menyertai Barisan Nasional.


Analisis menunjukkan kartun Melayu editorial pasca pilihan raya umum 2008 memberikan perbezaan ketara di antara akhbar terbitan arus perdana dan surat khabar alternatif. Termaktub di dalam Akta Penerbitan dan Percetakan 1984, yang melarang sebarang penerbitan bercorak provokasi yang boleh mengakibatkan kekacauan, Kartunis Zoy dan Juragan mengawal karya mereka untuk tidak menjadi keterlaluan dan jelas mereka lebih terarah menyokong kerajaan pemerintah. Namun pengisian jiwa di dalam kartun editorial mereka masih lagi sinikal terutama sekali apabila mereka menghasilkan kartun berkenaan dengan krisis politik di Perak yang menjadi kecoh pada tahun 2009. Analisa rupa menunjukkan

Kartunis Zoy mempunyai latarbelakang yang kuat di dalam bidang lukisan dengan gaya lukisan beliau tidaklah sepenuhnya kartun kerana beliau juga sebelum ini dikenali sebagai pelukis komik. Pengaruh komik didalam karya beliau amat ketara terutama sekali karakter yang ditonjolkan tampak realistik dan begitu menyerupai wajah pemilik sebenar, tak kiralah sama ada ianya wajah pemimpin politik atau wajah selebriti popular. Gaya karikatur beliau lebih sederhana tanpa perlu memperbesarkan-besarkannya bagi menonjolkan lagi karakter tersebut.



Rajah 1. Zoy, Berita Minggu, 17 Aug 2008
(Sumber : Arkib Negara)

Perlawanan tinju merupakan salah satu bentuk sukan pertarungan yang kerap kali dijadikan sebagai tema oleh para kartunis editorial dalam mengimajinasikan sesuatu situasi yang nampak genting dan sengit. Pada kebiasaannya perlawanan seperti ini hanya melibatkan perlawan 1 antara 1, tapi bagaimana pula situasinya jika perlawanan melibatkan tiga penjur? Itulah gambaran yang dipaparkan oleh kartunis Zoy mengenai pertembungan diantara Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mewakili PKR dengan wakil dari UMNO untuk parti BN, Datuk Haji Arif Shah Omar Shah tampak sedang bersedia untuk bertarung, lengkap memakai pakaian seperti peninju, namun “diganggu” dengan kehadiran pesaing ketiga iaitu Hanafi Hamat yang mewakili Parti Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM). Namun di sini, kartunis Zoy meletakkan perkataan ‘Hakim’ sebagai permainan kata (paronomasia) pada seluar Hanafi Hamat, yang mungkin bermaksud beliau sebagai penentu kemenangan diantara Anwar Ibrahim dan Arif Shah. Imajan pemakaian Hanafi Hamat yang tampak lebih sopan dan bercirikan Islamik dengan berseluar melepasi paras lutut dan berserban dikepala kerana beliau sebelum ini merupakan bekas ahli parti PAS.




Rajah 2. Zoy, Berita Minggu, 12 April 2009
(Sumber : Arkib Negara)

Dengan masih mengekalkan tema perlawanan tinju, untuk penerbitan kartun editorial pada tarikh 12 April 2009, kartunis Zoy memaparkan sukan tinju adalah sukan tentang perjuangan. Perjuangan yang harus dipertahankan oleh si peninju untuk mendapatkan kemenangan. Namun ianya adalah sebaliknya bagi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Penanti, Mohammad Fairus bin Khairudin yang melangkah menuju ke pintu keluar dari gelanggang, sambil kelihatan sarung peninju dan Tali Pinggang Kejuaraan

yang dibiarkan tergantung. Imajan ini adalah mengenai situasi Fairus yang terpaksa meletakkan jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, dan sekali gus melepaskan jawatan sebagai perwakilan untuk DUN kawasan Penanti, berikutan tuduhan dan siasatan ke atas beliau yang disyaki terlibat dalam penyelewengan membabitkan syarikat kuari di Seberang Perai. Situasi ini dilihat menarik kerana kartunis Zoy tidak memvisualkan Fairus Khairudin sebagai antagonis, tapi lebih kepada seorang pejuang yang terpaksa mengundurkan diri bagi mengelakkan konflik yang berpanjangan.

Dengan gaya lakaran yang lebih bersifat humor dan mengusik, kartunis Lat mencerminkan suasana disebuah kawasan perkuburan dimana orang ramai sedang menguruskan pengebumian jenazah seorang wakil rakyat yang telah meninggal dunia. Segalanya kelihatan tersedia dengan penggali kubur sedang mengorek kawasan liang lahad, dan sebuah keranda telah tiba di tempat pengebumian. Turut berada disana wartawan lokasi yang sedang membuat laporan atau rakaman. Namun suasana orang ramai yang berhimpun tiba-tiba beralih ke arah bertentangan dimana pengumuman pilihanraya kecil (PRK) bakal dilaksanakan. Secara sinisnya disini Datuk Lat melakarkan suasana sebenar yang berlaku pada 22 May 2008 dimana ADUN Manek Urai iaitu Haji Ismail Yaacob meninggal dunia akibat serangan jantung.



Rajah 3. Lat, *The News Strait Times*, 25 May 2008
(Sumber: Arkib Negara)


Kebiasannya pengumuman untuk mengadakan PRK mengambil masa lebih dari sehari. Namun untuk pertama kalinya, pengumuman dilakukan lebih awal dari yang sepatutnya. Disini Datuk Lat mengkritik secara halus akan sikap sesetengah manusia yang tidak peka dengan tidak menghormati perasaan keluarga si mati, dan lebih mengutamakan urusan dunia berbanding akhirat.



Rajah 4. Lat, *The News Strait Times*, 16 Feb 2009
(Sumber: Arkib Negara)

Untuk pertama kali juga berlaku pada tahun 2009, Dua pilihanraya kecil yang melibatkan Kerusi Dewan Undangan Negeri Bukit Selambau di Kedah dan Parlimen Bukit Gantang di Perak dijalankan

serentak pada hari yang sama. Menerusi kaca mata Datuk Lat, ianya satu perkara yang menarik dan jarang-jarang terjadi. Dengan menggunakan kapsyen “*same day delivery, same day laundry, same day by elections*” yang bermaksud “Penghantaran hari yang sama, cucian pada hari yang sama, pilihan raya kecil hari yang sama”. Mungkin terjemahan yang cuba disampaikan oleh Datuk Lat adalah penghantaran barang dan cucian merupakan sebuah perkhidmatan, manakala wakil rakyat pula berkhidmat untuk rakyat. Jika



Rajah 5. Zoy, Berita Minggu, 15 Feb 2009
(Sumber : Arkib Negara)

Menggunakan simbol 2 buah bukit, beserta dengan kapsyen Bukit Gantang dan Bukit Selambau bersama bayangan empat orang pendaki yang sedang mendaki sambil membawa bendera BN dan PR, kartunis Zoy secara santai membayangkan pilihanraya kecil ini ibarat sebuah pendakian menuju ke puncak sebagai simbol kejayaan dan kemenangan. Ironinya, dua kawasan yang dipertandingkan bermula dengan perkataan bukit. Zoy juga secara sengaja menggunakan metafora bukit sebagai satu bentuk simbol kepayahan yang selalu dilalui oleh penyokong parti-parti politik yang selalu berbusah payah untuk memasang bendera parti kesayangan mereka dikawasan-kawasan tinggi setiap kali pilihanraya bakal dijalankan.



Rajah 6. Zoy, Berita Minggu, 1 March 2009
(Sumber: Arkib Negara)

Seperti Datuk Lat, kartunis Zoy juga memiliki sifat humor yang agak nakal bagi kartun terbitan Berita Minggu bertarikh 1 Mac 2009, dimana kali ini beliau mengambil inspirasi dari babak filem bertajuk Nujum Pak Belalang, arahan Tan Sri P.Ramlee. Sedutan babak jenaka diantara Ahli Nujum Negeri Pasai mengemukakan soalan kepada Ahli Nujum Negara Pak Belalang. Penggunaan kapsyen dengan pertanyaan;

Ahli Nujum Negeri Pasai: “Wahai Ahli Nujum Negara, ini ada satu masalah....Tiga Bukit, Satu Batang! Apakah jawabnya?”

Ahli Nujum Negara: “Jawabnya....Pilihanraya!”

Ahli Nujum Negeri Pasai: Buktikan!

Ahli Nujum Negara: “Bukit Selambau, Bukit Gantang, Bukit Lanjan dan Batang Ai”

Meskipun masih lagi berlegar berkenaan dengan isu pilihanraya kecil yang dijalankan serentak, kartunis Zoy memasukkan kapsyen tentang isu Bukit Lanjan di Selangor dispekulasikan akan mengadakan pilihanraya kecil, berikutan perletakkan jawatan Ahli Dewan Undangan Negeri ADUN kerusi Bukit Lanjan dan Exco Elizabeth Wong. Namun begitu, tiada pilihanraya kecil dilaksanakan di Bukit Lanjan kerana beliau kembali menyandang jawatan beliau semula. Berbeza di Batang Ai, pilihanraya kecil dijalankan serentak dengan Bukit Selambau dan Bukit Gantang ekoran kematian penyandanginya, Datuk Dublin Unting Ingot daripada Barisan Nasional (BN). Inspirasi yang dibawa oleh Zoy untuk kartun editorial ini tanpa sedar memberikan kesan nostalgia kepada peminat-filem filem Melayu lama dengan imej karikatur wajah P.Ramlee dan Udo Omar yang begitu mengusik, dan babak perlawanan teka-teki yang sangat ikonik.

RUMUSAN

Hasil rumusan mendapati, menerusi kacamata kartunis editorial memvisualkan kartun mereka dengan cara terbaik dengan penggunaan retorik yang disulami dengan nilai humor yang tinggi. Kartun editorial terkenal dengan sifat mengkritik dan menyindir. Ianya berdasarkan sifat sebenar isu politik semasa, dan kartunis hanya menambah baik isu tersebut dan menjadikannya menarik dan mencipta kebenaran dari sudut pandang yang lain.

Meskipun para kartunis mempunyai persepsi dalam menyuarakan pendapat dan kritikan mereka, dengan kepelbagaian retorik yang mereka cuba sampaikan, ini menunjukkan yang kartunis editorial semakin berkembang dan matang mengenai akan sesuatu isu dan prinsip yang dipegang oleh mereka. Penerimaan pembaca Malaysia terhadap kartun yang mempunyai elemen cerita mempunyai lapisan makna juga mula menampakkan pertambahan, meskipun ada juga sebilangan memberikan pendapat dengan menyalahertikan mesej yang cuba disampaikan dan akan menyebabkan salah faham. Pilihan adalah terletak di tangan kartunis itu sendiri, Seperi Horn menyatakan pendapatnya, kartunis editorial terbahagi kepada dua kategori: seorang ideologous, sama ada berhaluan kiri atau berhaluan kanan, atau seorang yang meyakinkan atau menjadi seorang agnostik, lebih bersifat humor dan menampilkan ketepatan.

RUJUKAN

Congress. Gov United States Legislative Information (n.d.). *Political Cartoons and Public Debates*. Library of Congress. Retrieved June 10, 2023, from <https://www.loc.gov/classroom-materials/political-cartoons-and-public-debates/>

Cartoons: Themes and lessons: A semiotic analysis. Available from: https://www.researchgate.net/publication/358575595_Cartoons_Themes_and_lessons_A_semiotic_analysis [accessed June 23 2023].

- Chock, P. (2001). "The Constrained Use of Irony In U.S. Congressional Hearings of Immigration". In Fernandez, J. And M. Taylor (eds.) *Irony in Action: Anthropology, Practice, and the Moral Imagination*. University of Chicago, pp. 41-62
- Davidson, D. (1978). What Metaphors Mean. *Critical Inquiry*, 5(1), 31–47.
<http://www.jstor.org/stable/1342976>
- Dweich, Z.A., Ghabra, I.M.M.A., & Bahrani, R.H.A. (2022). Cartoons: Themes and lessons: A semiotic analysis. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 18(Special Issue 2), 966-981
- Editorial cartoon collections: a review of indexing challenges. Available from:
https://www.researchgate.net/publication/342050797_Editorial_cartoon_collections_a_review_of_indexing_challenges [accessed Jun 16 2023].
- Feldman, E. B. (1970). *Becoming human through art: Aesthetic experience in the school*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Fetsko, W. (2001). Using and analyzing political cartoons - enetlearning.org. Available at:
<https://www.enetlearning.org/wp-content/uploads/2015/05/Analyzing-Political-cartoons-and-artwork1.pdf>. [accessed Jun 22 2023].
- Landbeck, C. R. (2002). The Organization and Categorization of Political Cartoons: An Exploratory Study. Retrieved from http://purl.flvc.org/fsu/fd/FSU_migr_etd-3301
- Muliyadi Mahamood, M (2004). *The history of Malay editorial cartoons, (1930s-1993)*. Utusan Publ.
- Muliyadi Mahamood, Rusidah Salim, & Siti Zaleha Musa (2010). *Dunia kartun: Menyingkap Pelbagai Aspek seni Kartun Dunia Dan Tempatan*. Creative Enterprise.
- Muliyadi Mahamood (2010). *Kartun Editorial melayu Sejak 1990*. Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA.
- Muliyadi Mahamood (2012, June 20). The role of cartoon in the formation of Asian community: Art history analysis. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*.
<https://ejournal.upi.edu/index.php/historia/article/view/7703>
- Mwetulundila, R., & Kangira, J. (2015). An Analysis of Rhetoric and Humour in Dudley's Political Cartoons Published in the Namibian Newspaper in 2012. *International Journal of Research*, 63.
- Shaliza Dasuki., Liza Marziana Mohammad Noh., Nurkhazilah Idris., Fazlina Mohd Radzi., Musaddiq Mohamad Khalil., & Nur Hasliza Abdullah. (2016, December). Kartun akhbar sebagai wadah penyampaian Suara Masyarakat: Suatu Kritikan Terhadap Isu-Isu Semasa.
https://www.researchgate.net/publication/319351769_Kartun_akhbar_sebagai_wadah_penyampaian_suara_masyarakat_suatu_kritikan_terhadap_isu-Isu_semasa
- Subedi, A. (2018, December 21). Cartoon in print Media.pdf. Independent.
https://www.academia.edu/38021231/Cartoon_in_Print_Media_pdf
- Samson, S. (2022, September 3). Political Cartoon Analysis: 3 things to keep in mind. Vidyalai Blog.
[https://www.vidyalai.com/blog/political-cartoon-analysis-3-things-to-keep-in-mind/#:~:text=Sometime%2C%20objects%20in%20a%20cartoon,person\)%20was%20labelled%20so%20explicitly.](https://www.vidyalai.com/blog/political-cartoon-analysis-3-things-to-keep-in-mind/#:~:text=Sometime%2C%20objects%20in%20a%20cartoon,person)%20was%20labelled%20so%20explicitly.)
(Accessed: 22 June 2023).

Tromp, M., Izaks, J.N., Hill, G., & Fulkerson-Dikuua, K.J. (2013). English language proficiency programme. University of Namibia: Centre for External Studies

Using and analyzing political cartoons. (n.d.).

<https://www.enetlearning.org/wp-content/uploads/2015/05/Analyzing-Political-cartoons-and-artwork.pdf>

Wilde, A. (1981). Horizons of assent : modernism, postmodernism, and the ironic imagination. Baltimore : Johns Hopkins University Press